

PENYUSUAN IBU - SERUAN UNICEF UNTUK BERTINDAK

Pada bulan September tahun 2002, UNICEF telah menyokong “Strategi global terhadap penyusuan bayi serta anak-anak kecil” sebagai asas kepada tindakan-tindakan yang akan diambil di dalam memberi sokongan terhadap penyusuan ibu untuk memastikan kesinambungan kehidupan, pembesaran dan perkembangan bayi dan anak-anak kecil di seluruh dunia. Usaha kami untuk mengenalpasti dan menghargai hak-hak dan tanggungjawab kanak-kanak dan keluarga-keluarga mereka, termasuklah aktiviti-aktiviti yang telah terbukti berkesan untuk menyokong dan memberi laluan untuk advokasi kepada pihak kerajaan dan pihak bukan kerajaan boleh didapati di dalam tiga peringkat iaitu:

1. Memberi sokongan terhadap Komitmen Kebangsaan daripada pelbagai sektor dengan menggalakkan perkembangan di dalam:

- Penguatkuasaan terhadap Penyusuan Ibu Kebangsaan dan jawatankuasa kebangsaan daripada pelbagai sektor
- Dasar, protokol dan piawaian terhadap Penyusuan Bayi dan Anak-anak Kecil (IYCF) di dalam konteks dasar-dasar kebangsaan, program, dan organisasi-organisasi kesihatan profesional
- Bahan-bahan advokasi yang membicarakan tentang undang-undang dan dasar, yang baru dan yang masih kekal, kepada semua kumpulan-kumpulan yang berkaitan, seperti pekerja-pekerja kesihatan, pemimpin-pemimpin politik, pembuat keputusan dan juga rakan-rakan kongsi.
- Undang-undang dan penguatkuasaan kod Antarabangsa terhadap Pemasaran Penggantian Penyusuan Ibu, diikuti dengan Resolusi WHA yang berkaitan, Persatuan Buruh Antarabangsa (ILO) Konvensyen Perlindungan Ibu-ibu Bersalin
- Undang-undang yang baru atau lain-lain tindakan yang bersesuaian

2. Mempertingkatkan Pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan dan Reformasi Latihan (Penjagaan Kesihatan yang Mesra-Bayi). Mewujudkan dan Mengekalkan Penjagaan Kesihatan yang Mesra-Bayi (BFHC) dengan:

- Memberi sokongan sepenuhnya terhadap pelaksanaan Inisiatif Hospital yang Mesra-bayi (BFHC) di dalam semua perkhidmatan bersalin, termasuklah Langkah 10, iaitu perkembangan aktiviti-aktiviti masyarakat di dalam memberi sokongan kepada ibu-ibu yang menyusu badan.
- Memberikan bantuan teknikal dan advokasi di dalam mewujudkan piawaian untuk BFHC, dan juga untuk memasukkannya ke dalam Sistem Maklumat Kesihatan Kebangsaan.

- Mengkaji semula semua sistem perhubungan kesihatan untuk memastikan bahawa setiap perhubungan dimasukkan umur yang bersesuaian untuk penyusuan bagi ibu dan anak.
- Memberikan bantuan teknikal untuk kajian semula terhadap kurikulum latihan pra-perkhidmatan yang termasuk penyusuan badan yang bersesuaian dan kemahiran-kemahiran sokongan penyusuan yang lengkap, dan bantuan pekerjaan untuk membantu memperbaiki amalan-amalan penjagaan kesihatan di semua peringkat.
- Termasuklah sokongan kepada memberi ruangan di antara anak-anak iaitu sekurang-kurangnya 3 tahun untuk kesihatan dan juga kesejahteraan ibu dan anak (disarankan jarak sebanyak 3-5 tahun) di dalam kesemua program-program.

3. Memberikan Sokongan untuk Program-program Komunikasi/Masyarakat/Advokasi Sosial dengan:

- Menekankan galakan terhadap sokongan sosial untuk para ibu.
- Menggalakkan keupayaan para ibu untuk merujuk kepada sokongan perubatan sekiranya perlu, dan untuk mendapatkan sokongan daripada keluarga dan masyarakat di dalam memastikan terdapatnya kebiasaan penyusuan bayi dan anak-anak kecil dan untuk memastikan terdapat jarak di antara kelahiran anak-anak sekurang-kurangnya tiga tahun.

PENYUSUAN IBU IDEA-IDEA TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH ANDA

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI HOSPITAL DAN TEMPAT-TEMPAT BERSALIN

- Membuat penilaian terhadap tempat-tempat yang memberi perkhidmatan bersalin – apakah halangan-halangan yang wujud terhadap inisiatif penyusuan badan yang normal? Membangunkan perancangan-perancangan tindakan untuk menangani halangan yang telah dikenalpasti.
- Menggalakkan kesemua kemudahan yang sedia ada untuk menyimpan rekod tidak kira sama ada terdapatnya percubaan untuk menyusu pada jam yang pertama
- Laksanakan “lawatan” bulanan terhadap permulaan penyusuan ibu awal untuk mengenalpasti apakah program-program dan amalan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kadar penyusuan badan tersebut.
- Melaksanakan Inisiatif Hospital yang Mesra-bayi yang baru sahaja di kaji semula.
- Mengkaji semula kesan amalan bersalin terhadap permulaan penyusuan ibu agar amalan-amalan yang tidak menggalakkan dapat diubah-suai.

PEKERJA-PEKERJA DI DALAM BIDANG KESIHATAN

- Mengajar pekerja-pekerja pembantu bersalin di tempat kemudahan kesihatan dan di dalam masyarakat tentang bagaimana untuk mengendalikan permulaan penyusuan ibu pada jam yang pertama kelahiran.
- Mengkaji semula kurikulum pemberi perkhidmatan kesihatan dan juga pengamal perbidanan tradisional agar maklumat-maklumat yang berkaitan dengan bersalin, kelahiran dan juga penyusuan badan dimasukkan ke dalam kurikulum tersebut kerana ia merupakan suatu langkah yang amat penting.
- Memberi sokongan sekurang-kurangnya kepada SEORANG ibu pada satu hari!

PEMBUAT DASAR

- Memberi galakan kepada badan-badan yang berpengaruh seperti kementerian kesihatan, agensi-agensi Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu dan Suruhanjaya Gabungan terhadap Akreditasi Organisasi Penjagaan Kesihatan untuk memasukkan sekali masa permulaan penyusuan badan sebagai satu petanda untuk amalan terbaik di dalam penjagaan ibu dan anak.

AHLI-AHLI KELUARGA DAN MASYARAKAT

- Memberikan pendidikan yang berkaitan dengan kepentingan penyusuan ibu ketika mengandung dan sejurus selepas bersalin kepada ahli keluarga. Nenek dan juga lain-lain ahli keluarga yang berpengaruh juga patut melibatkan diri di dalam perbincangan ini.
- Mengenalpasti pemimpin dan penghubung di dalam masyarakat yang boleh membawa mesej ini kepada setiap wanita dan lelaki, baik muda mahupun tua, untuk memberi sokongan kepada para ibu di dalam memulakan penyusuan badan dan penyusuan badan yang mutlak.
- Senaraikan akhbar-akhbar popular untuk membawa mesej-mesej ini kepada orang ramai. Berikan SATU liputan setiap bulan hanya untuk penyusuan ibu!